

PELESTARIAN BAHASA: FENOMENA DAN PENERAPAN KARYA SASTERA

Paitoon M. Chaiyanara

Abstrak

Sesuai dengan pencemaran yang berlaku ke atas bahasa Melayu, perbincangan makalah ini akan memberi perhatian terhadap empat faktor yang berkaitan dengan pelestarian bahasa, iaitu (i) Konsep umum pelestarian bahasa yang secara mendalam belum disentuh oleh ahli bahasa, (ii) Perubahan bahasa secara umum yang tindakan pelestarian bahasa wajar dilaksanakan, (iii) Kemungkinan penggunaan karya sastera dalam pelestarian bahasa dan (iv) Karya sastera yang sesuai dalam pengajaran untuk pelestarian bahasa Melayu.

Abstract

With regards to the pollution that is inherent in the Malay language, this article will primarily focus on four factors relating to language cultivation namely; (i) general concept of language cultivation with has not been discussed to a greater dept previously, (ii) general language change that well necessitate the need for a proper language cultivation, (iii) the possible use of suitable literary works in language cultivation, (iv) suitable literary works in teaching in conjunction with Malay language cultivation.

Bahasa itu telah musnah dan hancur, kerana telah dilacurkan oleh tokoh-tokoh politik dan pengguna yang tidak menghormati bahasa bahkan bahasa yang telah menjadi pelacur itu hanya akan didarakan semula atau dimurnikan oleh kaum pengarang.

Thomas Stearns Eliot
(Terjemahan: Mana Sikana)

PENDAHULUAN

Andai kata petunjuk “itu” yang diungkapkan oleh Eliot secara puitis di atas digantikan dengan kata nama bahasa, iaitu “bahasa Melayu”, maka kenyataan yang dimaksudkan oleh penyair moden Amerika pada abad 20 itu benar-benar dapat dipertahankan sehingga abad 21 ini. Secara tidak langsung dan beransur-ansur, pada umumnya bahasa Melayu telah dimusnahkan dan dihancurkan oleh kebanyakan pengguna bahasa Melayu tanpa disedari dan tidak lagi menghormati bahasa ibundanya, dan benar-benar melacurkan persis aforisme Eliot.

Yang dimaksudkan dengan tidak hormati terhadap bahasa ibunda di sini ialah cara penggunaan bahasa Melayu harian yang semakin kurang meyakinkan, bahkan secara individu tidak pula memperlihatkan peranan untuk mempertahankan kemurnian korpus bahasa. Lihat sahaja pengaruh sistem morfologi bahasa asing yang semakin meningkat kerana diselitkan ke dalam hampir semua ayat bahasa Melayu yang dituturkan. Ini termasuk penggunaan bahasa dalam media massa yang seharusnya mempunyai kesempatan mendarakan bahasa yang telah dilacurkan itu.

Konsep mendarakan atau memurnikan semula yang dimaksudkan oleh penyair agung tersebut persis sama dengan konsep pelestarian bahasa dalam tulisan ini. Sesuai dengan tajuk di atas, sekurang-kurangnya empat skop akan dibincangkan dalam tulisan ini. Antaranya ialah (i) Konsep umum pelestarian bahasa yang secara mendalam belum disentuh oleh ahli bahasa, (ii) Perubahan bahasa secara umum yang tindakan pelestarian bahawa wajar dilaksanakan, (iii) Kemungkinan penggunaan karya sastera dalam pelestarian bahasa dan (iv) Karya sastera yang sesuai dalam pengajaran bahasa Melayu.

KONSEP PELESTARIAN BAHASA

Lantaran berlakunya perubahan ke atas sesuatu bahasa, maka pandangan mengenai penggunaan bahasa mengikut arus perkembangan zaman dan teknologi banyak dibahaskan. Ada yang boleh menerima bentuk bahasa baru hasil daripada perubahan, ada yang masih ragu-ragu untuk menerimanya malah ada yang menolak. Pandangan terhadap penerimaan bentuk bahasa baru inilah yang mendorong para ahli bahasa menghasilkan batasan bagi mempertahankan atau memulihara agar bahasa yang dimilikinya tidak tercemar atau dimusnahkan mengikut arus perubahan zaman. Istilah “*language cultivation*” digunakan untuk maksud pemuliharaan bahasa. Antara usaha yang dilakukan ke arah pemuliharaan bahasa ialah (i) Penstandardan

bahasa, (ii) Perancangan bahasa dan (iii) Pelestarian bahasa. Yang dinamakan pelestarian bahasa itu tidak lain adalah segala usaha dan tindakan yang dilakukan oleh pemilik bahasa untuk mempertahankan struktur bahasanya sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan dapat dikekalkan buat selama-lamanya di samping menyempurnakan korpus-korpus bahasa supaya dapat digunakan dalam semua peringkat komunikasi.

Tujuan pelestarian bahasa buat pertama kali dapat dikesan dalam sejarah perkembangan bahasa umat manusia ialah semata-mata untuk mempertahankan kesucian agama. Ini bermula semenjak 1000 tahun setelah orang-orang Parsi yang kemudian dikenali sebagai Arya-India mulai bermastautin di India. Setelah bertembung dengan budaya tempatan maka bahasa Arya-India dipengaruhi oleh bahasa-bahasa penduduk asli. Perubahan bahasa Arya-India berlaku secara pesat yang mengakibatkan ajaran dalam kitab Veda sukar difahami oleh generasi seterusnya. Bagi mempertahankan struktur bahasa kaum Arya, kira-kira dalam abad ke-4 Sebelum Masihi, seorang bangsa Arya-India bernama Panini telah berusaha melestarikan bahasa dengan menulis sebuah buku tatabahasa yang berjudul *Astadhayayi*. Buku ini telah memberikan tumpuan kepada kaedah-kaedah gramatis bahasa yang digunakan dalam kitab Veda. Dengan pelestarian bahasa tersebut, Panini menamakan bahasa yang telah dilestarikan itu sebagai *Sanskritabhasa* (Bahasa Sanskrit). Bahasa yang digelar bahasa Sanskrit sesungguhnya terlebih dahulu disebut sebagai *Vaidiki-Bhasa*¹. Bahasa Vaidiki yang dipercayai ahli linguistik sejarah diturunkan daripada keluarga bahasa Indo-Eropah melalui rumpun bahasa Indo-Iran. Bahasa Vaidiki kemudian digelar dengan istilah baru setelah dilestarikan semula dengan mengikut peraturan bahasa yang diciptakan oleh Panini sehingga menjadi bahasa yang bebas daripada kesalahan yang muncul kerana pengaruh bahasa tempatan. Perkataan *Sanskrita-Bhasa* bererti bahasa yang telah disempurnakan sehingga menjadi lengkap. Malangnya pelestarian bahasa Vaidiki yang dilakukan oleh Panini tidak dapat diterima oleh masyarakat setempat. Ini kerana bahasa yang telah dilestarikan oleh Panini hanya dibataskan kepada golongan atas yang mendalami agama Hindu sahaja.

Pelestarian Tatabahasa Tradisional

Tatabahasa tradisional dilahirkan daripada tatabahasa Yunani dan Latin yang dihasilkan oleh ahli falsafah Yunani. Kajian tatabahasa ketika itu

1 Mukunda Madhava Sharma, 1985. *Unsur-unsur Bahasa Sanskrit dalam Bahasa Indonesia*. Denpasar: Wyasa Sanggraha.

ditumpukan kepada kata dalam bentuk tulisan. Dengan tulisan, maka mereka beranggapan bahawa unsur yang paling kecil sekali dalam bahasa ialah huruf, bukan bunyi. Setelah kerajaan Roman berkuasa, tatabahasa Latin mulai berpengaruh seluruh Eropah. Tatabahasa Latin penuh dengan peraturan dan tumpuannya tidak lari jauh daripada “kata” persis tatabahasa Yunani. Dasar-dasar tatabahasa Latin telah digunakan dalam hampir semua tatabahasa di Eropah bahkan dewasa ini masih terdapat buku tatabahasa Eropah yang berpegang pada tatabahasa Latin.

Plato (429–347 S.M.) beranggapan bahawa ada kebenaran dan unsur universal dalam bahasa Yunani, malah bahasa-bahasa lain tidak perlu dipelajari kerana dianggap liar. Dialek-dialek Latin yang lain juga dianggap sebagai bahasa yang pernah sempurna tetapi sudah tercemar (Herndon, 1970:8). Pandangan Plato tidak hanya terbatas pada bahasa atau tatabahasa sahaja bahkan mencakupi bidang lain seperti falsafah, psikologi, retorik, dan semantik. Plato memakai istilah “*onoma*” untuk maksud “*the name of one who perform an action*” dan istilah “*rhema*” untuk “*the name of an action, and the relationships of the ideas or meanings expressed by each*” (Herndon, 1970: 8). Ini dapat disimpulkan bahawa tatabahasa zaman lampau itu membahagikan kata kepada dua golongan, iaitu “kata nama” dan “kata kerja”.

Kesalahan bahan merupakan hal yang serius bagi Plato. Bahasa yang sudah berubah daripada bentuk asal yang diterima umum dianggap kesalahan besar bagi beliau. Kata-kata yang baik dalam bahasa Yunani (*Good Greek words*) dianggap sakti. Plato berpendapat bahawa sebenarnya ada kesinambungan antara kata-kata yang diungkapkan dengan benda atau kegiatan yang dimaksudkan oleh kata-kata berkenaan. Dengan kata lain, Plato percaya bahawa bahasa bukan hanya sekadar sesuatu andaian, malah semua ungkapan berkaitan dengan kebenaran.

Pelestarian Bahasa di Perancis

Pada Zaman Renaisans banyak buku tatabahasa bahasa di Eropah ditulis. Sudah pasti penulis akan memelihara ciri-ciri dan tujuan persis tatabahasa Yunani dan Latin. Di sinilah lahirnya konsep pelestarian bahasa. Pada tahun 1660 buku tatabahasa yang berjudul “*Grammaire Generale Et Raisonnee*” dihasilkan untuk tujuan menjelaskan yang struktur bahasa dilahirkan daripada kelogikan, malah semua bahasa yang dipertuturkan oleh manusia merupakan hanya bentuk terapan daripada sistem logik dan rasional. Kamus-kamus dan buku-buku tatabahasa yang diterbitkan oleh *The French Academy* mementingkan penggunaan bahasa yang betul mengikut tatabahasa.

Tugas penting bagi ahli tatabahasa zaman ini ialah memperlihatkan penggunaan bahasa yang baik dan melestarikan bahasa yang baik itu supaya jangan dicemari. Pelestarian bahasa yang ditekankan pada Zaman Renaisans ini ialah menghindari daripada pengaruh gaya bahasa lain seperti kata-kata slanga dan kata-kata yang dicipta oleh ahli perniagaan dan sebagainya. Tatabahasa dianggap sebagai sesuatu yang berkembang daripada minda manusia dan bukan sesuatu yang diandaikan sahaja (Lyons, 1968:18).

Pelestarian Bahasa di England

Di England tidak terdapat badan pelestarian bahasa seperti di Perancis. Walau bagaimanapun, didapati beberapa ahli falsafah seperti Samuel Johnson, John Wallis, Robert Lowth dan Lindley Murray telah memainkan peranan dalam pelestarian bahasa Inggeris. Kamus dan buku tatabahasa Inggeris pada Zaman Renaisans, selain memperlihatkan penstandardan bentuk korpus bahasa yang baik, didapati huraian mengenai bentuk-bentuk yang salah telah dikemukakan. Tanpa mengira penggunaan bahasa harian di England, mereka menggunakan dasar tatabahasa Latin bagi menentukan yang mana betul dan yang mana salah. Dengan ini terdapat banyak guru yang mengajar tatabahasa Inggeris berpegang pada tatabahasa tradisional dengan tujuan seperti berikut:

- (i) Mempertingkatkan bahasa Inggeris supaya menjadi bahasa yang terhormat dan dapat diterima sebagai bahasa diakui paling baik di bahagian Barat.
- (ii) Dapat memantapkan tatabahasa Inggeris (mengikut tatabahasa Latin) supaya dijadikan bahasa Inggeris di institusi pengajian tinggi sebagai bahasa yang cukup standard jauh berbeza dengan bahasa atau dialek-dialek lain.
- (iii) Berusaha untuk mendapatkan kaedah pengajaran bahasa yang berkesan.
- (iv) Menggalakkan pembelajaran tatabahasa Inggeris di kalangan pelajar yang bertutur bahasa Inggeris sebagai bahasa ibunda.

Pelestarian Bahasa di Malaysia

Gerakan pelestarian bahasa Melayu bermula dengan seminar “Pencemaran Bahasa” yang telah diadakan di Universiti Sains Malaysia pada bulan Mei 1979. Hasil perbincangan dalam seminar tersebut mendorong Kementerian Pelajaran bertindak menubuhkan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan

Bahasa Malaysia pada bulan Mac 1980.

Setelah jawatankuasa tersebut ditubuhkan, Seminar Kesalahan-kesalahan Penggunaan Bahasa dalam Bahasa Malaysia dilangsungkan di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang pada 3–4 Disember 1982. Himpunan kertas kerja tentang kesalahan penggunaan bahasa Melayu hasil seminar tersebut diterbitkan dalam tahun 1987. Peranan buku tersebut secara tidak langsung dapat melestarikan bahasa Melayu yang tercemar oleh pengaruh-pengaruh tertentu.

Pada tahun 1992, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan buku “Kata Pinjaman Umum Bahasa Malaysia²” dengan tujuan hendak menyetarakan kata-kata pinjaman umum yang selama ini sering digunakan dengan salah oleh masyarakat umum. Pengawalan dan pengawasan kata-kata pinjaman Inggeris umum yang tidak perlu akan memelihara keutuhan bahasa Melayu dan sekali gus akan mengurangkan masalah kekacauan dalam pengambilan dan penggunaan kata asing dalam bahasa Melayu.

Demi kemurnian maksud dan mengelakkan kekeliruan pemakaian kata pinjaman daripada bahasa Arab, khususnya yang berkait dengan konsep agama Islam, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan buku-buku pedoman pemakaian bahasa yang betul. Buku “Istilah Agama Islam” misalnya, diterbitkan pada tahun 1993 dengan tujuan melestarikan sistem ejaan yang selama ini berlakunya pencemaran. Pada tahun 2001, buku “Daftar Kata Bahasa Melayu Rumi-Sebutan-Jawi Jilid I (A-K) dan Jilid II (L-Z)” diterbitkan. Ini menunjukkan bahawa pelestarian bahasa sentiasa berlaku di Malaysia.

Pelestarian dan Tatabahasa

Palmer (1971:11–13) telah menjelaskan kesalahfahaman terhadap tatabahasa yang dapat diringkaskan seperti berikut:

- (i) Tanggapan yang tatabahasa hanya dimiliki oleh bahasa tulisan malah bahasa pertuturan tidak ada tatabahasa atau anggapan bahawa bahasa pertuturan selalu mengalami perubahan, digunakan tidak mengikut peraturan tatabahasa yang ditulis atau jika betul hanya sebahagian sahaja, sebenarnya dilahirkan daripada etimologi perkataan “*grammar*” sendiri yang diambil daripada bahasa Yunani. Kata tersebut bermakna “*to write*”. Pengertian tersebut inilah yang

2 Buku ini disusun oleh Puan Mariyam Salim dan Puan Faridah A. Rahman, pegawai di Jabatan Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, dan disemak oleh panel editor yang diketuai oleh Encik Ismail bin Dahaman.

- menjadi punca timbulnya konsep tatabahasa dapat dilihat pada bentuk tulisan sahaja. Tanggapan sedemikian tidak benar.
- (ii) Tanggapan yang menyatakan sesetengah bahasa mempunyai tatabahasa dan sesetengahnya tidak atau sesetengah mempunyai tatabahasa yang lebih sempurna daripada bahasa-bahasa lain merupakan tanggapan yang salah.

Bahasa yang betul pada suatu ketika boleh jadi salah pada suatu ketika yang berbeza. Brown dan Miller (1980:15) mengemukakan suatu contoh, iaitu "*This book is different from that book*". Pada 20 tahun sebelum itu didapati muncul ayat baru iaitu "*This book is different to that book*" bahkan 10 tahun sebelumnya didapati satu lagi ayat iaitu "*This book is different than that book*". Brown dan Miller memperhatikan bahawa pada dekad 1980 didapati ayat pertama sudah diterima sebagai ayat yang paling betul, ayat yang kedua adalah ayat yang lebih betul dan ayat ketiga adalah ayat yang betul. Walau bagaimanapun, pada dekad sekarang dan pada masa yang akan datang pengakuan ayat yang paling betul seumpama ini akan berubah lagi.

Pandangan yang diutarakan oleh Brown dan Miller tersebut seolah-olah menyampaikan suatu kenyataan untuk difikirkan dalam pelestarian bahasa. Dengan kata lain, pelestarian bahasa tidak boleh bergantung hanya pada pemantapan sesuatu tatabahasa yang lampau sahaja. Ini kerana bahasa boleh berubah mengikut perkembangan zaman.

Perubahan Bahasa dan Pelestariannya

Tidak dapat dinafikan bahawa tidak ada mana pun dalam dunia ini yang dapat mempertahankan bentuk asal tanpa perubahan mengikut peredaran zaman dan perkembangan masyarakat penuturnya. Ahli bahasa mendapati bahawa bahasa sentiasa mengalami pergeseran keluar dari bentuk standard tetapi masih dapat memperlihatkan kesan-kesan tulennya. Perubahan bahasa boleh berlaku ke atas semua sistem. Dalam sistem bunyi bahasa Melayu misalnya, jika diperhatikan kenyataan bunyi [m]³ pada batu bersurat Kedukan Bukit, dewasa ini sesetengah bunyi [m] telah berubah menjadi [b]⁴. Selain pergeseran bunyi, sistem pemakaian kata juga mengalami

3 Dalam kenyataan ke-5 bentuk asalnya ialah "... *tamwan mamawa yang wala dua laksa danan kesa ...*"

4 Bentuk perubahan bagi kenyataan ke-5 di atas ialah "... *sambil membawa 20 000 bala tentera dengan perbekalan ...*"

perubahan. Berdasarkan faktor cita rasa, kata-kata seperti “laki”, “bini”, “jamban” dan sebagainya telah ditukar dengan kata-kata yang rasanya lebih sopan apabila diungkapkan.

Secara individu, perubahan bahasa juga berlaku disebabkan multi-lingualisme. Keadaan bilingual dan multilingual ini boleh mendorongkan sistem bunyi dan sistem penggunaan kata ikut berubah atau berkembang mengikut bahasa kedua dan ketiga yang merupakan faktor luaran. Faktor luaran ini dianggap sebagai pengaruh yang tidak kurang penting dalam pertembungan di antara bahasa-bahasa tertentu. Pengaruh sistem bunyi dari satu bahasa ke satu bahasa berlaku dalam bentuk-bentuk tertentu seperti transfonologisasi dan sebagainya.

Transfonologisasi (*transphonologisation*) dimaksudkan sebagai suatu fenomena pembentukan semula sistem fonologi baru dalam sesuatu bahasa disebabkan keperluan tertentu dalam pembentukan kata dan penentuan makna. Istilah ini juga dikenali sebagai “*transphonemicization*” (Count: 1972). Dalam perkembangan fonologi bagi sesuatu bahasa didapati sesetengah bunyi atau fitur bunyi mengalami penambahan atau sebaliknya. Untuk menghindari daripada sebutan yang sama (tetapi mempunyai makna yang berbeza) setelah fitur-fitur tertentu mengalami kelenyapan, maka tercetuslah suatu transfonologisasi secara korelasi dengan wujudnya satu set fenom baru sebagai pembeza makna dalam perkataan. Set fonem tersebut boleh terdiri daripada vokal, konsonan, nada, dan sebagainya. Suatu ketika, transfonologisasi juga berlaku ke atas sistem vokal bahasa Austronesia purba apabila diturunkan ke dalam bahasa Melayu induk dan proses tersebut berlaku lagi ke atas bahasa Melayu induk apabila diturunkan kepada bahasa Melayu (lihat Asmah, 1985:349). Dalam dialek Melayu misalnya, terdapat beberapa set vokal yang merupakan hasil transfonologisasi yang beberapa kali berlaku semenjak pewarisan bahasa Austronesia purba kepada bahasa Melayu induk dan seterusnya kepada bahasa Melayu moden. Mengingat bahasa Austronesia purba kepada bahasa Melayu induk dan seterusnya kepada bahasa Melayu moden. Mengingat bahasa Austronesia purba pada asalnya memiliki sistem empat vokal iaitu [*i, *e, *a, *u], setelah berkembang menjadi bahasa Melayu induk, vokal *i dan *u didapati masing-masing mengalami pemecahan fonemik dan berkembang menjadi dua bunyi yang baru iaitu bunyi [*i] menurunkan bunyi [*i] dan [*e] sedangkan bunyi *u menurunkan bunyi [*u] dan [*o] kepada bahasa Melayu induk. Kemudian bunyi [*a] mengalami pemecahan fonemik sekurang-kurangnya menjadi [a] dan [♣] semasa bahasa Melayu induk sedang berkembang. Dengan perubahan tersebut maka sistem vokal yang mantap dalam beberapa dialek

bahasa Melayu induk dipercayai terdiri daripada sistem enam vokal, iaitu [*i, *e, *o, *u, *a, *ə]. Bagi bahasa Melayu induk pula dipercayai mengalami perubahan yang sama ke atas bunyi [*e] dan [*o] (yang merupakan hasil transfonologisasi bahasa Austronesia purba). Bunyi [*e] mengalami pemecahan fonemik menjadi [e] dan [ɛ] sedangkan bunyi [*o] mengalami pemecahan fonemik menjadi [o] dan [ɔ]. Hasil transfonologisasi yang berlaku ke atas bahasa Austronesia purba dan bahasa Melayu induk maka wujudlah lapan vokal yang terdiri daripada [i, e, ɛ, a, , o, u, ə]. Set vokal yang merupakan hasil daripada transfonologisasi tersebut telah diretransfonologi oleh dialek-dialek Melayu tertentu sehinggalah wujud sistem tiga⁵ vokal, enam⁶ vokal, tujuh⁷ vokal hingga lapan⁸ vokal dalam sistem fonologi dialek masing-masing.

Dilihat dari sudut perkembangan sistem nada yang menjadi pokok perbincangan dalam tulisan ini, Haudricourt (Suriya, 1985) berpendapat bahawa kemungkinan besar bunyi nada yang terdapat di dalam sistem fonologi bahasa-bahasa di Asia Tenggara ini adalah unsur suprasegmental yang baru sahaja diwujudkan kemudian. Salah satu punca yang mendorongkan sesuatu bahasa mencetuskan sistem nada leksikal adalah disebabkan pertembungan sebutan ke atas beberapa perkataan yang pada asalnya terdiri daripada fitur-fitur bunyi bahasa yang berbeza-beza.

Fenomena transfonemisasi ini telah berlaku ke atas sistem fonologi bahasa Vietnam sekitar abad ke-9 setelah beberapa lama bahasanya mulai dipengaruhi oleh bahasa Cina. Pada jangka masa tersebut fonem /g, ɰ, d, b/ ternyata kehilangan fitur bersuara [+ bersuara]. Dengan itu maka kata-kata yang menjadi pasangan terkecil berkontras yang terdiri daripada keempat-empat fonem tersebut akan berhomonim dengan kata-kata yang terdiri daripada fonem /k, c, t, p/. Bagi menghindari kelewahan kata-kata homonim dalam bahasanya maka wujudlah dua fonem nada leksikal dalam sistem fonologinya. Kedua-dua fonem nada tersebut dikenali sebagai fonem nama “*ngang*” dan fonem nada “*huyên*”. Nada “*ngang*” digunakan untuk disisip ke atas suku kata yang suatu ketika pernah diawali fonem /g, ɰ, d, b/ manakala nada “*huyên*” digunakan untuk disisip ke atas suku kata yang

5 Dialek Brunei.

6 Dialek Melayu Standard, dialek Johor, dialek Melaka, dialek Sarawak dan sebagainya.

7 Dialek Minang, dialek Pahang, dialek Terengganu, dialek Negeri Sembilan, dan sebagainya.

8 Dialek Kedah, dialek Pattani Baling, dialek Pattani, dialek Perak, dialek Kelantan, dialek Urak Lawoi, dan sebagainya.

diawali fonem /k, c, t, p/. Pengguguran fitur bersuara ke atas empat konsonan tersebut disebabkan pengaruh bahasa Cina dan demikian halnya dengan pewujudan nada leksikal ke atas kata-kata tersebut juga diserapkan daripada sistem fonologi bahasa Cina.

Sesetengah bahasa bernada setelah dijadikan dialek minoriti di kawasan yang terdapat dialek lain sebagai majoriti, maka nada leksikal boleh mengalami kelenyapan. Contoh yang paling jelas ialah bahasa Swedish (yang merupakan bahasa yang mempunyai nada leksikal sebagai pembeza makna), setelah digunakan di Finland sebagai bahasa minoriti ternyata unsur nada tidak diperlukan dalam bahasanya. Ini adalah disebabkan pengaruh bahasa Suomi (*Finnish*) yang merupakan bahasa majoriti di negara tersebut.

Justeru itu, andaian bahawa bahasa induk bagi keluarga Thai, Cina kuno dan rumpun bahasa Mong-Yao pada kira-kira 2000 tahun dahulu belum tentu sudah memiliki bunyi nada dalam sistem fonologinya boleh dipertimbangkan. Yang cukup jelas sekali ialah cabang bahasa Vietnam-Mu'ò'ng yang diturunkan daripada keluarga Austroasia⁹ adalah satu-satu contoh bahasa yang apabila dipengaruhi oleh bahasa Cina yang kaya dengan bunyi nada dan keadaan diglosia yang lebih mantap maka wujudlah bunyi nada tertentu dalam bahasa Vietnam- Mu'ò'ng.

KEMUNGKINAN PENGGUNAAN KARYA SASTERA

Sebenarnya antara pokok perbincangan lain yang ingin disampaikan dalam tulisan ini ialah suatu jawapan kepada kesangsian terhadap kemungkinan (*probability*) penggunaan karya sastera dalam pelestarian bahasa Melayu secara khususnya yang kini dianggap dicemari oleh pengaruh budaya setempat. Ini kerana selain daripada media massa, ahli politik dan lain-lain, karya sastera yang terbaik juga terkadang boleh mempengaruhi sehingga korpus bahasa yang baik ditenggelami atau tergeser keluar dari landasan bahasa yang diakui normal. Ada yang berpendapat bahawa penyimpangan bahasa sesetengah penulis bukanlah penyimpangan daripada sistem bahasa, melainkan penyimpangan daripada gaya bahasa yang stereotaip atau usang. Dengan kata lain, seseorang penulis memang perlu mencari dimensi baharu dalam gaya bahasa supaya timbul ciri-ciri idiosinkrasi dalam karyanya, tetapi

9 Bahasa Keluarga Austroasia dahulunya dikenali sebagai bahasa keluarga Mon-Khmer. Istilah tersebut dicipta oleh Wilhelm Schmidt. Bahasa keluarga Austroasia tidak memakai unsur nada sebagai pembeza makna kecuali bahasa Vietnam sahaja yang dipercayai dipengaruhi oleh keluarga bahasa Sino-Tebet.

bukan dengan keluar daripada sistem bahasa yang ada. (Awang Sariyan, 2000). Dan bahasa yang salah boleh juga menjadi unsur yang memperindah sesuatu karya sastra (Lutfi Abbas, 1986). Secara konvensional, *Poetic licence* telah diberi hak untuk menggunakan bahasa yang salah atau tidak standard, persis irama dan lagu yang disisipi sekumpulan nada yang jauh tersesat di antara batasan nada yang bersinambungan. Atau demi kesenian, seseorang pelukis melukis wajah seorang tua dengan garisan-garisan yang lurus. Dengan kata lain, seseorang seniman boleh menentang peraturan tertentu '*for artistic effect*' (Webster, 60: 1128). Pantun-pantun seperti:

Apa dibeli pergi ke pekan,
Membeli wajik dengan penganan;
Jangan dipikat burung di hutan,
Burung biasa makan di tangan.

(Zainal: 247)

Tinggi rendah,
panjang lebar;
pergi sekolah,
ulang belajar.

(Zainal: 677)

Ungkapan "Apa dibeli" dan "pergi sekolah" merupakan ungkapan yang amat pendek bahkan menjimat pemakaian kata sehingga tersimpang daripada kebiasaan atau aturan bahasa. Kepenyairan gaya sedemikian bukan hanya didapati dalam alam kepenyairan dunia Melayu, malahan di Amerika Syarikat misalnya, Stephen Crane (1871–1900) penulis novel terkemuka dan penyair yang menghasil karya dengan gaya berlainan daripada gaya penyair abad ke-19. Crane mencipta syair dengan pendek, menjimatkan pemakaian kata-kata yang panjang lebar. Setiap baris sangat pendek bahkan bentuk ayat kelihatan licin, mudah dan berterusterang. Crane menggunakan karya syair pendek, kemas bagi menyampaikan perasaan sedih, pilu. Walaupun suasana kesedihan yang mencakupi isi syair tersebut dianggap aneh bagi penyair abad ke-19, tetapi merupai syair-syair yang menunjukkan keputusan yang digemari pada jangka 30 tahun pertama abad ke-20. Karya Crane dianggap sebagai jambatan akhir yang menghubungkan penyair Amerika baru.

A Man Said to the Universe:

"Sir, I exist!"

"However," replied the universe,

"The fact has not created in me

A sense of obligation."

"A Man Said to the Universe"

Karya sastra seumpama ini walaupun tidak sesuai dijadikan bahan dalam pelestarian bahasa secara langsung, tetapi sekurang-kurangnya dapat

dijadikan contoh analisis kesalahan bahasa. Sesuai dengan hakikat yang kreatif, karya sastra mesti mencari kemungkinan baru, yang dengan sendirinya mempunyai ciri “penyelewengan” daripada kebiasaan berbahasa tanpa menyalahi tatabahasa (Umar Junus, 1986). Banyak karya sastra yang baik menyediakan peraturan yang baik dalam perkembangan bahasa seseorang malah karya sastra yang baik memperlihatkan tokoh dan masalah yang dapat dicontohi. Semua ini berguna bukan hanya untuk perkembangan bahasa anak, melainkan juga untuk kehidupannya (Sarumpaet, 1988). Pantun yang disusun mengikut tatabahasa yang betul seperti pantun berikut:

Yang kurik hanya kundi,
Yang merah hanya saga;
Yang baik hanya budi,
Yang indah hanya bahasa.

(Zainal: 327)

dapat pula dijadikan bahan utama dalam pelestarian bahasa. Dengan ini kesangsian terhadap kemungkinan karya sebagai bahan pelestarian bahasa setidak-tidaknya sedikit banyak sudahpun terjawab.

Batasan Pelestarian Bahasa Melayu

Keadaan pencemaran bahasa yang berlaku ke atas bahasa Veda pada abad ke-4 Sebelum Masihi, yang telah dijelaskan pada bahagian awal berbeza sekali dengan keadaan pencemaran bahasa Melayu dewasa ini. Ini bukan kerana faktor masa tetapi faktor korpus bahasa itu sendiri. Bahasa Veda dicemari kerana dipengaruhi oleh kosa kata tempatan yang kebanyakan kata-kata asal yang tersedia ada digantikan dengan dialek-dialek tempatan di India, manakala bahasa Melayu, keadaan pencemaran berlaku kerana ada sebahagian jumlah kosa kata dan sintaksis dipengaruhi oleh struktur bahasa Inggeris. Dengan ini batasan perkembangan bahasa khususnya dari segi kosa kata dan sintaksis dalam pelestarian bahasa Melayu harus diambil kira sebelum tindakan sewajarnya dilaksanakan.

Pemilihan Karya Sastra dalam Pelestarian Bahasa Melayu

Dalam bahagian lapan, secara ringkas bahkan tidak langsung telah pun dinyatakan bahawa sesungguhnya semua karya sastra boleh digunakan sebagai bahan pelestarian bahasa. Cara pemilihan bahan tersebut bergantung pada tujuan pelestarian bahasa yang ditetapkan. Berdasarkan pencemaran

bahasa, pelestarian bahasa dapat dibahagikan sekurang-kurangnya kepada empat tujuan, iaitu, pelestarian sebutan, pelestarian ejaan, pelestarian gaya bacaan dan pelestarian pemilihan kosa kata.

Disebabkan dalam pantun Melayu, bunyi hujung dalam tiap-tiap sekerat pembayang berlainan dan bunyi dalam sekerat isi itu hendaklah sama dengan bunyi hujung pada pembayang yang dijodohi masing-masing, maka dikira di antara karya sastra yang paling sesuai untuk menjadi bahan pelestarian sebutan tidak lain daripada pantun Melayu. Kerana pantunlah yang boleh mempertahankan sebutan baku yang lebih selaras. Antara pantun yang dapat digunakan dalam pelestarian tersebut adalah seperti berikut:

Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga;
Hancur badan dikandung tanah,
Budi yang baik dikenang juga.

(Zainal: 13b)

Pantun ini dapat digunakan untuk melestarikan bunyi [a] pada suku kata akhir baris kedua dan baris terakhir. Kerana pada pertuturan biasanya bunyi tersebut dilafazkan dengan bunyi [ə]. Latihan dengan membaca pantun ini dengan cara sebut mengikut apa yang dieja sudah pasti, murid-murid yang belum menepati sebutan baku dapat membiasakan diri dengan sebutan yang bersinambungan antara bunyi akhir baris pembayang maksud dengan bunyi akhir baris maksud sebenar.

Bunyi-bunyi vokal lain yang sering disebut secara biasa tidak mengikut sebutan baku, seperti bunyi [u] pada suku kata kedua tertutup yang adakalanya disebut sebagai [o] juga dapat dilestarikan dengan pantun yang berikut:

Pucuk pauh delima batu,
Anak sembilang di tapak tangan;
Sungguh jauh di negeri satu,
Hilang di mata di hati jangan.

(Zainal: 19)

Mengikut kebiasaan kata “pucuk”, “sungguh”, dan “jauh” sering disebut sebagai “pucok”, “sunggoh” dan “jaoh”. Dengan latihan membaca rangkap pantun sedemikian secara baku, diyakini bahawa lama-kelamaan, bunyi [o] akan dilestarikan menjadi bunyi [u] mengikut sistem sebutan baku.

Berdasarkan sistem ejaan Rumi baru yang diisytiharkan pemakaiannya secara rasmi pada 16 Ogos 1972, maka buku “Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia” diterbitkan pertama kali oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada pertengahan bulan Jun 1981. Pada tahun 1981 dapat dianggap sebagai tahun sempadan yang karya-karya sastra mulai ditulis berdasarkan sistem ejaan baru tersebut. Dengan ini, pemilihan bahan sastra sama ada dalam bentuk prosa mahupun puisi untuk digunakan dalam pelestarian ejaan harus ditapis dengan baik. Jika tidak, ini akan merosakkan sistem ejaan yang dikuasai murid.

Pelestarian gaya bacaan biasanya ditumpukan kepada murid yang bahasa ibunda bukan bahasa Melayu atau murid yang telah dipengaruhi oleh bahasa asing seperti bahasa Inggeris dan sebagainya. Pada tahap pertama, pantun dapat dianggap sebagai bahan yang sangat berkesan dalam tujuan mempertahankan gaya bacaan seperti gaya yang lazim digunakan oleh penutur asli. Dalam sesebuah pantun dapat pula disisipi tekanan-tekanan mengikut gaya bahasa Melayu.

Penggunaan karya sastra dalam pelestarian kosa kata dalam bahasa Melayu hanya dapat dibataskan pada kosa kata yang diungkapkan dalam bidang sastra sahaja. Bidang-bidang lain, seperti sains dan teknologi tidak mungkin dapat disempurnakan dengan pemakaian bahasa sastra selengkapnya, kecuali cerpen atau novel yang berkait dengan bidang sains dan teknologi.

KESIMPULAN

Aforisme Eliot yang dijadikan titik tolak perbincangan pelestarian bahasa telah dapat mengungkapkan fenomena dan penerapan karya sastra sebagai bahan dalam mempertahankan keutuhan bahasa Melayu. Dengan keterangan ringkas yang telah disampaikan seringkis mungkin dalam tulisan ini diharapkan dapat menyedari akan peri mustahaknya pelestarian bahasa. Jangan pula menjadi seperti bahasa Vietnam yang tidak berkesempatan melestarikan sistem bunyinya sehingga sistem nada dalam Cina bermaharajarela di dalam bahasanya.

“Bekerja artinya
apa pun yang wajib dilakukan seseorang
Bermain artinya
Apa pun yang tidak wajib dilakukan seseorang”.

(Mark Twain¹⁰)

10 Lyndon Saputra (ed.), 2002. *Berfikir Cara Einstein*. Jakarta: Interaksara.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan, Hasnah Ibrahim dan Mashudi Kader (ed.), 1987. *Kesalahan Bahasa dalam Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar, 1985. *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus kepada Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan, 1984. *Isu-isu Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Awang Sariyan, 1986. *Kesinambungan Bahasa dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Awang Sariyan, 2000. *Wacana dan Suasana Perancangan Bahasa Malaysia di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Darwis Harahap, 1992. *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992. *Kata Pinjaman Umum Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamsiah Abdullah, 2002. *Rangkaian Penelitian Bahasa dan Pemikiran*. Singapura: Dee Zed Consult.
- Liaw Yock Fang, 1975. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Lutfi Abbas, 1986. "Bahasa Melayu Tinggi Ditinjau dari Sudut Morfologi". Dlm. Nik Safiah Karim (ed.). *Bahasa Melayu Tinggi: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia. (hlm. 69–91).
- Mana Sikana. 1988. *Teori dan Kritikan Sastera Pascamodernisme*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Mohamad Ali Hanafiah bin Abdullah, 2002. *Sebutan Baku di Radio: Satu Analisis Pendekatan Fonetik Akustik*. Tesis M.A. Universiti Teknologi Nanyang, Singapura.
- Nik Safiah Karim (ed.), 1986. *Bahasa Melayu Tinggi: Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Paitoon M. Chaiyanara, 2000. "Transfonologisasi Nada Leksikal Thai dalam Dialek Pattani". Kertas kerja Persidangan Linguistik ASEAN I, 14–16 November 2000, Universiti Kebangsaan Malaysia. Anjuran Jabatan Linguistik: Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan.
- Rahman Shaari dan Nurazmi Kuntum, 1984. *Kesinambungan Sastera Melayu: Puisi dan Prosa*. Kuala Lumpur: Karya Bistari.
- Sarumpaet, Riris K., 1988. "Aku Cinta Bahasa Indonesia" Tidak Sama dengan "Aku Cinta Bahasa Indonesia: Karya Sastera dalam Pengajaran Bahasa". Dlm. S.R.H. Sitanggang, Siti Zahra Yundiafi dan S. Amran Tasai (Ed.). *Kongres Bahasa Indonesia V*. Jakarta: Departmen Pendidikan dan Kebudayaan. (hlm. 968–985).
- Umar Junus, 1986. "Bahasa Melayu Tinggi dan Kemungkinan Stilistik". Dlm. Nik Safiah Karim (ed.) *Bahasa Melayu Tinggi: Teori dan Penerapan*. Kuala

PAITON M. CHAIYANARA

Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia. (hlm. 127–140).

Zainal Abidin Bakar, 1992. *Kumpulan Pantun Melayu: Edisi Pelajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.